



## **TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT**

### **MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PENGENALAN BAHASA ARAB ASAS KOMUNIKASI**

**YANG MULIA**

**PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI MOHAMMAD TASHIM BIN PENGIRAN HAJI HASSAN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PADA  
HARI RABU**

**28HB RABIULAKHIR 1444H BERSAMAAN 23HB NOVEMBER 2022M**

**JAM  
10.15 PAGI**

**BERTEMPAT  
DEWAN MULTAQAH,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia,

Dr. Hjh Norasimah binti Haji Latip,

Ketua Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-Arabiyah Bil-Madaris Al-Arabiyah  
selaku Pengurus Majlis.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

S/Supt. Hamydon bin Ibrahim

Ketua Urus Setia Pesuruhjaya Polis, Ibu Pejabat Polis,

Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,

Hajah Rasidah binti haji Ghani

Pmk. Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia

Kementerian Pertahanan,

Negara Brunei Darussalam.

Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Para Peserta serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, peramba/saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam **MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PENGENALAN BAHASA ARAB ASAS KOMUNIKASI** bagi tahun 1444H/2022M.

Syabas dan tahniah, peramba/saya ucapkan kepada Pengurus dan kesemua warga Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-Arabiyah Bil-Madaris Al-Arabiyah yang telah berjaya mengungkayahkan **Kursus Pengenalan Bahasa Arab Asas Komunikasi** yang dikhkususkan kepada peserta – peserta yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam Bahasa Arab. Mereka ini terdiri dari kalangan warga perkhidmatan Awam dan agensi – agensi yang berkaitan.

Peserta-peserta difahamkan, adalah seramai 25 orang mewakili 4 buah Kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan. Kursus ini telah dijalankan selama 8 sesi dan telah pun bermula pada 01 November 2022M dan berakhir pada hari ini, 23 November 2022M, Alhamdulillah.

Adapun objektif Kursus Pengenalan Bahasa Arab Asas Komunikasi ini diadakan, peramba/saya difahamkan, adalah bertujuan untuk mendedahkan dan memperkenalkan kepada peserta kursus dengan asas-asas Bahasa Arab, sekaligus mengajarkan dan melatih tubi peserta kursus dengan ungkapan – ungkapan Bahasa arab yang lazim dan mudah dalam komunikasi seharian. Kursus ini juga diharap dapat memupuk dan menanamkan minat peserta kursus untuk terus mempelajari Bahasa Arab.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian.

Dalam kepelbagaian Bahasa di dunia yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi, Allah Subhanahu Wata'ala telah memilih Bahas Arab untuk menjadi Bahasa yang membawa mesej agama Islam. Al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam dan sumber hukum diturunkan kepada umat manusia dalam Bahasa Arab. Malah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang dilantik menjadi utusan terakhir yang dari mana Baginda sendiri juga dilahirkan dalam kalanagan masyarakat Arab yang dari baginda lahirnya sumber hukum kedua iaitu as-Sunnah iaitu hadith samada dalam bentuk Qauli, Fi'li dan Taqriri.

Pemilihan Bahasa Arab dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap Bahas ini kerana melalui penguasaan Bahasa Arab, para ilmuan berupaya untuk memahami dan menjelaskan maksud suruhan dan tegahan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru itu, pemilihan Bahasa Arab semestinya membawa seribu satu hikmah dan kelebihan samaada ada kepada Bahasa itu sendiri mahupun umat Islam yang perlu mempelajari dan mendalami Bahasa Arab.

Di dalam al-Quran Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan pemilihan Bahas Arab sebagai bahasa al-Quran menerusi firmanNya dalam Surah Yusuf, ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami menurunkannya (al-Quran) sebagai kitab bacaan dalam bahasa Arab supaya kamu memahami”

Di dalam kitab **Tafsir Al-Munir** karangan Dr Wahbah Al-Zuhaili menyebut bahawa '**perkataan supaya kamu memahami**' itu bermaksud sebab Al-Quran diturunkan dengan sifatnya dalam bahasa Arab adalah untuk kamu baca dan fahami serta mengamatinya. Manakala Al-Qurtubi

dalam kitabnya **Al-Jamie' Li Ahkam Al-Quran** menyatakan bahawa 'supaya kamu boleh mentadaburnya'.

Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam surah Ar-Ra'd ayat: 37

وَكَذَلِكَ أَنزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا

Tafsirnya:

"Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran sebagai hukum (peraturan) dalam bahasa Arab."

Al-Qurtubi menyatakan al-Quran yang berbahasa Arab itu mengandungi 'hukum' peraturan sebagai memutuskan bagi membezakan antara hak dan batil, menjelaskan yang halal dan haram, syariat-syariat dan peraturan-peraturan yang diperintahkan adalah untuk kebahagian dunia dan akhirat.

Justeru itu, kita melihat menguasai Bahasa Arab ini adalah penting kerana ia berkait rapat dengan memahami- Bahasa Al-Quran, memahami rahsia dan kandungan Al-Quran yang di dalamnya terdapat sumber-sumber hukum hakam dan sebagainya.

Hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Amnya, Bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Perkara ini sahaja menjadi bukti dan petunjuk bahawa fungsi Bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam. Tuntutan untuk mempelajari Bahasa Arab, justeru itu, tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu seperti ulama, ahli akademik dan pelajar-pelajar sekolah Arab, malah ia turut menjadi satu keperluan bagi masyarakat awam yang berugama Islam untuk turut sama mempelajarinya.

Justeru itu, usaha yang diungkayahkan oleh Unit Program Ta'zeez Al-Lughah AlArabiyah Bil-Madaris Al-Arabiyah ini adalah tepat. Kita perlu menguwar-uwarkan akan kepentingan mempelajari Bahasa Arab kepada orang Awam. Dalam masa yang sama saya berharap Unit ini juga akan terus berusaha untuk menyediakan program-program atau module-module lanjutan di masa-masa akan datang. Ini kerana dengan usaha kita menanamkan bibit-bibit mencintai Bahasa Arab, kita berharap masyarakatkan lebih menghayati ajaran al-Quran melalui tadabbur dan akan mampu lebih khusyu' dan merasai kelazatan beribadah selain mampu utk berkomunikasi dan bertutur dalam ungkapan-ungkapan Bahasa Arab yang ringan dan mudah.

Ini sekaligus dihasratkan dapat mengukuhkan syakhsiah bangsa negara zikir dengan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa Al-Quran sebagai ibadah dan budaya umat Islam sejagat.

Kepada para peserta, peramba/saya penuh berharap melalui Bengkel ini, yang telah mendedahkan biskita dengan kaedah-kaedah pertuturan sehari-hari akan mampu membangkitkan minat biskita untuk terus mendalaminya dan akhirnya akan mencintai Bahasa Arab. Peramba/saya percaya, dalam tempoh yang singkat ini, biskita telah didedahkan dengan keindahan Bahasa Arab dalam bentuk persembahan yang ringan dan santai dengan menghendaki biskita turut terlibat berpatisipasi beberapa bentuk perbualan yang boleh dipraktikkan sehari-hari. Peramba/saya telah meneliti module-modulennya dan ia adalah bersesuaian dengan tahap permulaan untuk mempelajari bahasa Arab. Tahniah.

Peramba/saya berharap, pendedahan yang telah diberikan selama 8 hari dan kemahiran asas yang kita perolehi dari kursus ini tidak akan berakhir setakat ini sahaja. Bahkan pendedahan awal Bahasa Arab yang diberikan kepada biskita ini akan menjadi asas kukuh untuk kita terus berusaha mengenali dan mencintai Bahasa Arab dengan lebih mendalam.

Di kesempatan ini, peramba/saya juga kepada pihak-pihak yang berkepentingan agar turut meningkatkan kerjasama dalam merencana program-program dan modul-modul yang inovatif dengan menggunakan pendekatan menarik dan bersesuaian bagi mempermudahkan dan mempercepatkan pemahaman bahasa Arab di kalangan masyarakat dan orang awam. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan yang terlibat dalam menjayakan Kursus ini. Diharapkan **kerjasama dan kebersamaan** ini akan dapat diperkuuhkan dan dipereratkan lagi dari masa ke semasa.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur yang telah berusaha mengungkayahkan Majlis ini dan semoga segala usaha abiskita ini mendapat balasan dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ